

MAHAKAMUS

Cerekayasa ialah *imprint* **Kawah Buku** yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

MAHAKAMUS

Faisal Tehrani



cerekayasa

Bangi

© Faisal Tehrani 2026

© Kawah Buku, hak penerbitan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2026 oleh

Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7963-08-2

Suntingan oleh Iskandar Kamel

Bacaan semak oleh Azan Safar, Khairunisa dan Hanisa S.

Lakaran dan reka bentuk kulit buku oleh Amin Landak

Fotografi potret oleh Azan Safar

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

*Untuk Amri Che Mat, mangsa kehilangan paksa sejak
24 November 2016...*

Isi Kandungan

Babak I	1
Babak II	13
Babak III	31
Babak IV	43
Babak V	117
Babak VI	144
Babak VII	159
Babak VIII	187
Babak IX	206
Babak X	219
Babak XI	262
Babak XII	283
Babak XIII	291
Babak XIV	302

*“Every Herod will pass, every Caesar will fade, for
empires have an expiry date.”*

– Rev. Dr Munther Isaac

I

Gadis berkuncit ini akhirnya menyadari bahawa Sang Leksikografer yang sering disebut-sebut sepanjang masa itu adalah mesin ciptaan manusia masa lampau. Sebuah mesin yang diprogramkan dengan kecerdasan buatan. Apabila Kamar Senyap yang menyimpan projek Perpustakaan Masa Hadapan di Perpustakaan Deichman, Oslo akhirnya dibuka dan semua seratus manuskrip itu sudah boleh dibaca; tiada siapa pun menyangka mesin tersebut telah menghimpunkan apa sahaja maklumat dan aneka pengetahuan tentang sesebuah negara. Ia malah lebih tahu daripada siapa pun mengenai pelbagai versi sejarah; baik zaman lampau atau moden. Ia lebih arif mengenai versi-versi sedia ada termasuk yang bukan arus perdana.

Gadis berkuncit ini nekad dan berazam untuk menggagalkan kelancaran mesin celaka itu. Meskipun seorang diri, dia akan melawan. Ia akan menjadi pertembungan epik, manusia melawan mesin.

Mesin itu, yakni Sang Leksikografer, merakam apa sahaja sehingga masyarakat akhirnya bergantung serba serbi kepadanya. Penciptaan mesin itu begitu kompleks dengan menggunakan pelbagai unsur nadir bumi bukan radioaktif. Pada satu dekad dalam

peradaban manusia ia kemudian telah pun mengetahui setiap helah dan muslihat. Bahkan ia menaiktaraf diri menjadi sangat bijaksana untuk mampu menawarkan pendekatan, penyelesaian atau tadbir urus mana yang serasi-cocok untuk digunakan. Pada tahun 2114, gadis ini hidup pada zaman yang mana warganegara tidak lagi memerlukan sosok pemimpin atau raja memimpinkan mereka. Segala yang pernah dialami telah pun dianalisis.

Cerdik pandai ada mengatakan sejarah itu akan berulang. Pengulangan ini hanya memerlukan mereka merujuknya kembali. Inilah yang dilakukan oleh Sang Leksikografer. Kepintaran mesin itu sangatlah mengagumkan, seibarat sebuah kamus unggul yang menyimpan setiap riwayat manusia dari era apa pun. Misalnya di Malaysia, adalah memadai hanya dengan memintal kemudian mencerut tarik segala cerita dari zaman menteri perdananya, Mahathir Mohamad.

Pada zaman ini, Sang Leksikografer yang cerdas boleh memainkan peranan sebagai Perdana Menteri jika ia mahu. Jika kalian pembaca dari zaman lalu menyatakan ini adalah sesuatu yang mustahil dan menakutkan, kalian pada zaman lampau sepatutnya telah pun mengerti bahawa tiap tindak tanduk kalian pada zaman dahulu sebetulnya didalangi oleh gerakan jahat yang tidak berperikemanusiaan. Sang Leksikografer itu bahkan telah mencero boh dan mencuri seluruh hayat dan naratif hidup manusia terpilih yang dianggap mewakili—seperti yang telah diketengahkan dalam kamus ini—sehingga ia boleh mengatur apa sahaja pengertian dan permintaan yang diperlukan negara. Manusia kini dipimpin dan dipedomani mesin serta diimani seibarat Nabi.

Gadis itu kini mengerti mengapa tatkala dia membuka secara rawak manuskrip dalam kamar senyap di Perpustakaan Deichman, tidak ada satu apa pun yang dapat dikira patut, dan bermanfaat untuk dirinya dan kemanusiaan pada tahun 2114. Dia juga memahami mengapa lanang dari masa depan itu mengamanahkannya dengan cembul berisi cincin batu kelikir yang muat di jari manis.

Kerana yang kekal hanyalah satu perkataan...



G, Guthrie [guth·rie]

n Pada 7 September 1981, Mahathir Mohamad yang baru beberapa bulan dilantik sebagai Perdana Menteri telah mengarahkan satu serangan pada waktu subuh ala-ala “*empire strikes back*” terhadap London Stock Exchange demi merampas pemilikan saham dan kawalan pentadbiran Guthrie Corporation Limited, sebuah ‘*agency house*’ milik British lantas memiliknegarakannya.

Sebaik sahaja pintu utama Nombor 10 Jalan Downing itu dibuka, terpacul tampang ‘Crawfire’, gelaran untuk pembantu peribadi Margaret Thatcher. Dia wanita yang ramah, dan dengan senyum lebar memperkenalkan diri sebagai, “Saya Cynthia Crawford.”

Mark bersuara rendah, “Baik,” dan didorong untuk naik ke tingkat atas. Dia sedikit teragak-agak, “Kita berjumpa di flat beliau?”

Cynthia meyakinkan, “Ya, sudah pukul 11 malam, dan Cik Puan Perdana Menteri sedang membakar *scone* di atas. Dia baru tiba dari melawat kawasan parlimennya di Finchley. Mari...”